



GARIS PANDUAN FASA PERALIHAN BAGI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

Dokumen ini menyediakan langkah-langkah di mana pengangkutan awam darat di bawah kawalan Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dibenarkan untuk menjalankan aktiviti semasa fasa transisi dalam Rangka Kerja Pemulihan COVID-19 Kebangsaan. Pendekatan kami adalah berdasarkan memastikan pematuhan kepada langkah teras yang disenaraikan di bawah langkah-langkah Kawalan COVID-19, mengalakkan penggunaan *Antigen Rapid Test (ART)* sebagai langkah pengesanan awal jangkitan dan memperkenalkan sekatan yang berbeza bagi individu sudah divaksinasi dan belum divaksinasi.

1. Fasa Peralihan

Boleh bermula pada tahap 70% perlindungan vaksinasi.

Kurangkan penyakit serius, kemasukkan ke hospital dan kematian yang disebabkan oleh COVID-19.

2. Langkah-Langkah Kawalan COVID-19

i. Penggunaan aplikasi BruHealth

- a. **Mendaftar BruHealth:** Semua pengangkutan awam darat (bas, teksi dan e-hailing) mestilah mendaftar untuk mendapatkan kod QR *Bruhealth* dan seterusnya mencetak kod QR tersebut untuk dilekatkan / disimpan di kawasan pintu masuk kenderaan.
- b. **Daftar pemandu:** Pengusaha perkhidmatan bas, teksi dan e-hailing hendaklah memastikan semua pemandu dan kalindan didaftarkan di dalam aplikasi BruHealth. Kesemua pemandu dan kalindan adalah dikehendaki untuk mengimbas masuk / keluar apabila mereka mula menggunakan / meninggalkan kenderaan.
- c. **Mengimbas Kod BruHealth:** Pemandu / kalindan bas, pemandu teksi dan e-hailing hendaklah memastikan semua individu yang memasuki kenderaan mengimbas aplikasi *Bruhealth* terlebih dahulu sebelum memasuki kenderaan.

- d. **Warna Kod *BruHealth*:** Pemandu / kalindan bas, pemandu teksi dan *e-hailing* dikehendaki memastikan hanya penumpang yang mempunyai kod *Bruhealth* Hijau dan Kuning dibenarkan masuk. Kad pengenalan hendaklah diperiksa sebagai pengesahan.
- ii. **Vaksin Lengkap:** Pengusaha bas, teksi dan *e-hailing* hendaklah memastikan semua pemandu dan kalindan yang layak diberi vaksin (tiada kontraindikasi perubatan) telah divaksin sepenuhnya.
- iii. **Penjarakan Sosial:** Mengamalkan langkah penjarakan sosial dan fizikal yang telah ditetapkan iaitu sekurang-kurangnya 1.5 m antara individu jika boleh.
- iv. **Pengudaraan bas, teksi dan e-hailing:** Pemandu bas, teksi dan *e-hailing* dikehendaki memastikan kenderaan mempunyai pengudaraan yang mencukupi dan disarankan untuk membuka jendela semasa membawa penumpang.

3. Individu Yang Divaksin Sepenuhnya

Seseorang individu dianggap telah diberi vaksin sepenuhnya jika dia telah menerima rejimen vaksin yang di dalam Senarai Penggunaan Kecemasan WHO (WHO EUL) atau vaksin yang diluluskan BDMCA. Status vaksinasi dalam aplikasi *BruHealth*, Sijil Vaksinasi Antarabangsa atau Buku Profilaksis (Buku Kuning) individu atau rekod vaksinasi lain yang boleh diterima boleh ditunjukkan kepada pemandu / kalindan bas, pemandu teksi dan *e-hailing* sebagai bukti vaksinasi.

4. Langkah-Langkah Pengoperasian Pengangkutan Awam Darat (Bas, Teksi dan e-Hailing)

i. Sekatan Kapasiti:

- a. Bas dibenarkan beroperasi dengan had kapasiti 50% daripada kapasiti penumpang (tidak termasuk pemandu).
- b. Teksi dan *e-hailing* dibenarkan beroperasi dengan had kapasiti 50% daripada kapasiti muatan tempat duduk kenderaan (tidak termasuk tempat duduk pemandu), contoh seperti berikut:-

| Muatan tempat duduk kenderaan | Had penumpang (tidak termasuk pemandu) |
|-------------------------------|--|
| 5 | 2 |
| 7 | 3 |

ii. Protokol Menaiki Pengangkutan Awam Darat:

- a. Penggunaan aplikasi BruHealth bagi pemandu / kalindan bas, pemandu teksi dan *e-hailing* adalah dimestikan.
- b. Pemandu / kalindan bas, pemandu teksi dan *e-hailing* hendaklah memastikan semua penumpang mengimbas kod QR melalui aplikasi BruHealth sebelum menaiki kenderaan.
- c. Individu yang mengalami gejala tidak dibenarkan menaiki kenderaan.
- d. Menggunakan *hand sanitizer* sebelum menaiki kenderaan.
- e. Semua individu yang menaiki kenderaan hendaklah memakai sungkup muka yang menutupi hidung dan mulut pada setiap masa dan memeriksa suhu badan sebelum menaiki kenderaan.
- f. Hanya penumpang yang mempunyai kod BruHealth warna hijau dan kuning sahaja dibenarkan menaiki kenderaan (Kad pengenalan hendaklah diperiksa sebagai pengesahan).
- g. Hanya penumpang yang lengkap menerima dua (2) dos vaksin dibenarkan menaiki pengangkutan awam darat. Bukti pengesahan vaksinasi hendaklah ditunjukkan.
- h. Bagi perkhidmatan teksi dan *e-hailing*, penumpang yang lebih daripada satu (1) individu samada yang tinggal serumah atau daripada rumah yang berlainan dengan syarat menunjukkan bukti telah melaksanakan ujian ART yang terkini dengan keputusan negatif.
- i. Mengamalkan langkah-langkah penjarakan fizikal pada setiap masa.
- j. Pemandu / kalindan bas, pemandu teksi dan *e-hailing* disarankan untuk membuka jendela kenderaan semasa membawa penumpang.
- k. Pemandu / kalindan bas, pemandu teksi dan *e-hailing* disarankan untuk melaksanakan ujian ART sekali setiap dua (2) minggu iaitu mengikut Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.

iii. Protokol Bayaran Tambang:

- a. Pengusaha bas, teksi dan *e-hailing* hendaklah memastikan bagi transaksi pembayaran tambang menggunakan kaedah ***cashless*** (pembayaran melalui

sistem perbankan) ataupun pembayaran secara ***contactless*** (menyediakan kontainer bersih bagi penumpang membuat pembayaran tunai).

iv. Protokol Pengurusan Sanitasi dan Pembersihan Nyah Kuman:

- a. Menjaga kebersihan diri sepanjang masa.
- b. Menyediakan *hand sanitizer* di dalam kenderaan.
- c. Membersihkan dan di disinfeksi secara kerap kepada kerusi tempat duduk dan peralatan yang kerap disentuh seperti jendela dan pemegang pintu.
- d. Disarankan untuk membuka tingkap kenderaan semasa membawa penumpang.